



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**
Trimester & Year : September - December 2020
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- 1 This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks
SOALAN 2 – Tatabahasa
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
- 2 Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- 3 This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- 4 Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA

University College.

Total Number of pages = 10 (Including the cover page)

**BAHAGIAN A
ARAHAN**

: SOALAN OBJEKTIF (30 MARKAH)

: Jawab semua soalan di bawah ini. Pilih jawapan yang paling tepat dan tandakan di atas kertas OMR yang disediakan.

BAHAGIAN A TAMAT

BAHAGIAN B : **SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dompot Laila hilang di dalam bas. Pencuri telah berjaya mencuri dompetnya dari dalam begnya. Laila pergi ke balai polis untuk membuat aduan. Dia berjumpa dengan Tuan Gopal. Tuan Gopal sangat simpati kepada Laila. Dia meminta nama penuh Laila. Nama penuh Laila ialah Nur Laila binti Kamarudin. Alamat Laila ialah No. 30, Jalan Permaisuri, Bandar Mahkota Cheras, Selangor. Laila juga memberikan nombor telefonnya kepada Tuan Gopal, iaitu 010-2575757. Tuan Gopal menulis segala maklumat peribadi dan aduan pada buku laporan. Nombor plat bas itu ialah PLN 4399. Lelaki yang mencuri dompet Laila berambut pendek dan keriting. Hidungnya besar dan ada misai tebal. Lelaki itu memakai baju berwarna kuning. Tuan Gopal berjanji akan menghubungi Laila nanti.

1. Siapakah nama polis yang menerima aduan itu? **(2 markah)**
2. Di manakah Laila tinggal? **(2 markah)**
3. Apakah yang terjadi kepada Laila? **(2 markah)**
4. Nyatakan **EMPAT (4)** ciri fizikal pencuri itu. **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca perbualan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Arman : Hai, Shawn! Apa khabar?

Shawn : Eh, Arman. Lama tidak berjumpa. Saya sihat. Kamu sekarang bekerja di mana?

Arman : Selepas tamat belajar, saya bekerja dengan bapa saya.

Shawn : Apakah pekerjaan kamu?

Arman : Saya menjadi chef di restoran bapa saya. Dia membuka restoran makanan Jepun.

Shawn : Wah, bagus sekali. Di mana restoran bapa kamu?

Arman : Di Petaling Jaya. Kamu cari Restoran Makanan Jepun Pak Hamid.

Shawn : Nama bapa kamu Hamid?

Arman : Tidak. Itu nama datuk saya. Restoran itu milik datuk saya.

Shawn : Oh, begitu. Tentu sedap makanan di sana.

Arman : Makanan yang popular di restoran itu ialah Yakitori, Sushi, Udon, Soba dan Miso.

Shawn : Saya suka Yakitori. Saya suka ayam yang dibakar. Saya juga suka Sushi.

Arman : Kamu juga suka makanan Jepun. Bagus. Kamu suka Wasabi?

Shawn : Oh, tidak. Saya tidak suka pedas.

1. Apakah pekerjaan Arman selepas tamat belajar? **(2 markah)**

2. Apakah nama restoran itu? **(2 markah)**

3. Siapakah Hamid? **(2 markah)**

4. Apakah nama **DUA (2)** makanan yang popular di restoran Arman? **(2 markah)**

5. Apakah makanan yang tidak disukai oleh Shawn? **(2 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini berdasarkan situasi berikut:

Situasi : Di Restoran

- I. tetapi
- II. dan
- III. atau
- IV. kerana
- V. supaya

(10 markah)

b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Inggeris.

Rohaya mahu membeli beberapa keperluan rumah. Dia mahu membeli beras, gula dan garam. Dia juga mahu membeli sayur-sayuran dan ikan. Di kedai runcit, pekerja kedai itu membantunya memilih sayur-sayuran segar dan ikan. Selepas memilih barangan tersebut, dia mahu membayar. Harganya ialah RM51. Dia mendapat diskaun RM1. Hal ini kerana dia ialah pelanggan pertama pada hari itu. Rohaya berterima kasih kepada pekedai itu. Dia berjanji akan datang semula ke kedai itu untuk membeli barangan runcit.

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 markah)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan mengenai perbualan di kedai kasut.

ATAU

2. Tuliskan sebuah cerita yang bertajuk 'Bapa Saya'.

(20 markah)

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT